

**ELEMEN PENYOKONG PERSEMBAHAN TARIAN SAYAU MOGINUM,
DUSUN TATANA, KUALA PENYU, SABAH**
**SUPPORTING ELEMENTS OF SAYAU MOGINUM DANCE PERFORMANCE, DUSUN
TATANA, KUALA PENYU, SABAH**

Sri Ningsih Sukirman

Patricia Jipoh

*Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF),
Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah
ningsih@ums.edu.my; patriciacyia@gmail.com*

*Tarikh dihantar: 4 Jun 2022 / Tarikh diterima: 9 November 2022 / Tarikh terbit: 30 Disember 2022
DOI: <https://doi.org/10.51200/ga.vi>.*

ABSTRAK

Sayau Moginum merupakan tarian suku kaum Dusun Tatana. Suku kaum Dusun Tatana dikatakan berasal dari tanah Mongolia dan Yunan, China pada abad ke-12 dan ke-13 (Wallace, 1983). Dusun Tatana atau lazimnya disebut sebagai ‘Tatana’ juga merupakan salah satu daripada 79 sub etnik Kadazan Dusun di Sabah. Majoriti suku kaum Dusun Tatana menetap di daerah Kuala Penyu yang terletak di bahagian pedalaman negeri Sabah dan menuturkan bahasa Dusun Tatana. Daerah Kuala Penyu terletak di kawasan barat daya negeri Sabah dan menghadap ke arah Laut Cina Selatan di sebelah barat (Joison Romut, Denis J. Sadinag & Flora Iban, 2016). Bagi melengkapkan sebuah tarian, elemen tambahan seperti pakaian, aksesori, muzik, props dan ekspresi wajah harus ada bagi menyampaikan sesuatu persembahan kepada penonton.

Kata kunci: *Elemen penyokong, Sayau Moginum, Tatana, Kuala Penyu, Sabah.*

ABSTRACT

‘Sayau Moginum’ dance is a tribal dance of Dusun Tatana. The arrival of the Dusun Tatana tribes is said to have originated from the lands of Mongolia and Yunan, China in the 12th and 13th centuries (Wallace, 1983). Dusun Tatana or commonly referred to as ‘Tatana’ is also one of the 79 Kadazan Dusun subethnic groups in Sabah. The majority of Dusun Tatana live in the Kuala Penyu district which is located in the interior of Sabah and they speak the language of Dusun Tatana. Kuala Penyu district is located in the southwestern part of Sabah and faces the South China Sea to the west (Joison Romut, Denis J. Sadinag & Flora Iban, 2016). To complete a dance must have additional elements such as clothes, accessories, music, props and facial expressions to convey a presentation to the audience.

Keywords: *Supporting element, Sayau Moginum, Tatana, Kuala Penyu, Sabah.*

PENGENALAN

Tarian *Sayau Moginum* telah wujud sejak ribuan tahun yang lalu setelah wujudnya etnik Dusun Tatana. Istilah ‘Tatana’ sebagai nama bagi suku kaum Dusun Tatana wujud melalui sebuah cerita legenda, iaitu cerita *Boruruk*. Kisah ini telah mewujudkan sebuah gendang ritual yang diperbuat daripada kulit anak naga yang dinamakan *Boruruk*. Gendang ajaib tersebut telah menyebabkan orang kampung mula bergaduh atau mengamuk sesama sendiri. Memandangkan gendang tersebut mendatangkan malapetaka kepada orang kampung, maka gendang tersebut telah dibuang ke dalam sungai dan hanyut ke kampung-kampung lain. Apabila puak-puak lain memungut dan memalu gendang tersebut, mereka turut mengalami situasi yang sama. Keadaan ini telah menyebabkan kucar-kacir dalam kalangan puak-puak yang memalu gendang tersebut. Apabila mereka mengetahui asal usul gendang tersebut, mereka berasa amat marah sehingga mencetuskan perperangan di antara puak. Kaedah untuk menyelamatkan diri, Dusun Tatana telah bersembunyi dalam gua di bawah tanah. Setelah perperangan antara puak berakhir, mereka keluar dari tempat persembunyian dan menamakan diri mereka sebagai orang Dusun Tatana (Tan Sri Wences Anggang, 2019).

Pada zaman dahulu, tarian *Sayau Moginum* ini hanya ditarikan ketika upacara adat ataupun ritual adat dilakukan iaitu *Moginum*. Upacara ini diadakan dalam beberapa majlis, iaitu *Moginum Kahwin* (sempena perkahwinan anak perempuan sama ada sulung atau bongsu), *Moginum Kaul* (mengubati orang sakit *Sinimponongan* atau keteguran roh nenek moyang) dan *Moginum Loyob* (memperingati roh seseorang yang telah meninggal dunia). Ritual ini akan diadakan selama dua hari bermula pada hari pertama yang dipanggil *bomasak*, iaitu proses penyediaan pelbagai jenis makanan untuk dihidangkan, terutama *kolupis* (beras pulut yang dimasak dengan santan) dalam kuantiti yang banyak (Durin Tuwin, 2019).

Di samping itu, tarian *Sayau Moginum* ini juga dipersembahkan untuk menjemput dan memujuk roh yang mati agar hadir ke majlis keramaian. Hal ini demikian kerana tarian ini mempunyai kaitan dengan adat dan roh yang telah meninggal dunia. Ketika tarian ini dipersembahkan, tarian mestilah diketuai oleh pihak lelaki sebagai tanda penghargaan kepada mereka kerana lelaki telah banyak berkorban tenaga dalam pelbagai perkara (Ebah Pasi, 2019).

Pada tahun 1961, tarian *Sayau Moginum* mulai dipersembahkan di atas pentas apabila wujudnya Pesta Kaamatan pada waktu itu. Bahkan, tarian *Sayau Moginum* ini juga yang pada asalnya adalah tarian dalam upacara ritual, kini telah dipersembahkan pada acara keramaian. Pada masa kini, tarian *Sayau Moginum* juga menjadi tarian persembahan menyambut tetamu dalam sesuatu majlis perasmian yang diadakan di daerah Kuala Penyu. Walau bagaimanapun, tarian *Sayau Moginum* merupakan tarian utama semasa ritual *Moginum* yang kini masih berlangsung di daerah Kuala Penyu ini (Nuri Suram, 2019).

ELEMEN PENYOKONG PERSEMBAHAN TARIAN *SAYAU MOGINUM*

Setiap etnik mempunyai identiti sendiri sama ada daripada pakaian, aksesori, muzik, *props* dan ekspresi wajah. Oleh itu, elemen tambahan ini boleh melengkapkan lagi tarian tradisi yang sedia ada di daerah ini.

PAKAIAN PENARI PEREMPUAN (*SIRA LAMBUNG*)

Pakaian tradisi merujuk kepada set pakaian yang dipakai dalam sesuatu upacara adat. Pakaian juga merujuk kepada satu set uniform yang menampakkan keseragaman pada setiap orang ketika menghadirkan diri dalam sesuatu upacara aktiviti rasmi. Upacara dan aktiviti rasmi merujuk kepada upacara pertunangan, perkahwinan, pesta menuai dan aktiviti yang diperlukan oleh kelompok tersebut. Pakaian wanita yang digunakan dalam kalangan etnik Dusun Tatana ketika mempersembahkan tarian *Sayau Moginum* pada masa kini merupakan pakaian yang telah diubah suai daripada baju asli *Bobolian*. Pakaian wanita ini dipanggil *Sira Lambung*. Seterusnya, sebelum tahun 2005, etnik Dusun Tatana hanya meminjam baju tradisi daripada etnik yang lain untuk digunakan semasa perayaan. Oleh itu, etnik Dusun Tatana gemar menggunakan pakaian daripada etnik Kadazan Penampang. Pakaian etnik Dusun Tatana ini juga diinspirasi daripada etnik Kadazan Penampang (Rosalind Oliver, 2019).

Pada asalnya, pakaian *Sira Lambung* boleh dipakai oleh semua masyarakat Dusun Tatana kecuali *Bobolian*. Pakaian tersebut juga hanya digunakan semasa menjalankan upacara ritual. Pada tahun 2006, Kadazandusun Cultural Association (KDCA) melalui satu jawatankuasa yang diketuai oleh Puan Rosalind Oliver telah menghasilkan satu pakaian tradisi wanita Dusun Tatana yang boleh diguna oleh semua masyarakat Dusun Tatana. Pakaian yang dimaksudkan ialah *Sira Lambung* dan diterima pakai oleh masyarakat Dusun Tatana. *Sira Lambung* merupakan pakaian *Bobolian*. Pakaian ini diperbuat daripada kain hitam tidak berkollar. Biasanya pakaian tersebut disulami dengan benang berwarna merah dan kuning keemasan untuk memperlihatkan kekemasan pada pakaian tersebut. Jahitan yang digunakan ialah jahitan silang pangkah dan gigi berangan (Rosalind Oliver, 2019).

Pakaian tarian wanita ini pada dahulunya dihasilkan dengan menggunakan kain nilon. Namun pada masa kini, pakaian wanita direka secara bebas berdasarkan kreativiti individu. Baju tarian ini dihias dengan pelbagai bentuk hiasan dan warna manik yang membentuk corak bunga pada bahagian dada pakaian. Namun demikian, hiasan manik-manik bagi pakaian penari tidak terlalu banyak berbanding dengan pakaian perkahwinan. Penggunaan warna manik juga tidak terlalu besar. Motif flora yang terdapat pada pakaian ini hanya diselitkan secara sedikit tidak seperti yang terdapat pada pakaian pengantin perempuan. Motif flora ini diinspirasi daripada sarung. Sarung yang digunakan pada pinggang penari perempuan hanya perhiasan tambahan pada pakaian tersebut. Warna utama pakaian ini berwarna hitam yang diinspirasi daripada pakaian *bobolian* (Rosalind Oliver, 2019).

Selain itu, terdapat juga *pirawis* pada pakaian wanita ini pada lengan yang mempunyai pelbagai warna seperti merah, biru, kuning dan putih. Warna tersebut melambangkan kehidupan masyarakat Tatana. Terdapat juga *kooring* dan *kubamban* pada pakaian wanita. Jumlah *kubamban* dan *kooring* tidak disamakan dengan jumlah pakaian asal *bobolian* bagi membezakan pakaian asal dan baharu. Rajah di bawah merupakan pakaian *Sira Lambung* yang digunakan ketika mempersembahkan tarian ‘*Sayau Moginum*’ (Rosalind Oliver, 2019).



Foto 1 *Siria Lambung* (Koleksi pengkaji, 8 November 2019)




Foto 2 *Kubamban* (Koleksi pengkaji, 8 November 2019)



PIWARIS

KOORING

Foto 3 *Piwaris* dan *Kooring* (Pengkaji, 8 November 2019)

PAKAIAN PENARI LELAKI (*SIRA DAMBIA*)

Pakaian lelaki yang dipakaikan dalam kalangan etnik Dusun Tatana ketika mempersembahkan tarian *Sayau Moginum* pada masa kini merupakan pakaian yang telah diubah suai daripada baju asli *Dambia* pakaian lelaki ini dipanggil *Sira Dambia*. Seterusnya, sebelum tahun 2005, etnik Tatana hanya meminjam baju tradisi daripada etnik yang lain untuk digunakan semasa perayaan. Oleh itu, etnik Dusun Tatana gemar menggunakan pakaian daripada etnik Kadazan Penampang. Pakaian etnik Dusun Tatana ini juga diinspirasi daripada etnik Kadazan Penampang (Monih bin Epin, 2019).

Pada asalnya, pakaian *Sira Dambia* tidak boleh dipakai oleh semua masyarakat Dusun Tatana kecuali *Dambia*. Pakaian tersebut juga hanya digunakan semasa menjalankan upacara ritual. Pada tahun 2006, KDCA melalui satu jawatankuasa telah membuat rekaan semula *Sira Dambia* atau baju tradisi lelaki Dusun Tatana yang dilakukan oleh Encik Monih Epin. Pakaian tersebut digunakan secara meluas oleh masyarakat Dusun Tatana sehingga hari ini, khususnya semasa musim perayaan dan upacara keagamaan (Monih bin Epin, 2019).

Sira Dambia dipakai oleh *Dambia* semasa menjalankan ritual menyembuhkan orang sakit. Kini, *Sira Dambia* ini juga digunakan semasa perayaan ataupun acara keagamaan. *Sira Dambia* ini juga diguna pakai oleh penari lelaki. Pakaian tarian lelaki ini dihasilkan menggunakan kain nilon yang berwarna hitam, namun kini mempunyai pelbagai jenis kain (Monih bin Epin, 2019).

Reka bentuk baju tarian lelaki etnik Tatana tidak banyak berbeza dengan pakaian perkahwinan. Namun, terdapat selendang yang bersilang digunakan pada *Sira Dambia* selendang ini akan dipakai oleh penari secara bersilang pada bahagian bahu yang dipanggil *sandai*. Corak yang terdapat pada selendang berbentuk abstrak dan geometrik. Selain selendang, pakaian ini juga mempunyai sulaman benang emas secara memanjang pada bahagian dada pakaian dan juga pada pergelangan tangan. Bahagian leher pakaian adalah berwarna merah mengikut warna keutamaan etnik Tatana dan warna hitam akan diaplikasikan secara dominan dalam pakaian ini (Monih bin Epin, 2019).

Terdapat juga poket yang berisi sapu tangan berada di sebelah kiri baju di dada berwarna merah. Sapu tangan ini merupakan pengaruh daripada budaya Cina. Penari lelaki juga menggunakan *sigar* yang mempunyai ekor depan dan belakang di bahagian kepala. Pakaian lelaki juga mempunyai *kubamban* pada bahagian dada. Foto di bawah menunjukkan pakaian lelaki ketika mempersembahkan tarian *Sayau Moginum* (Monih bin Epin, 2019).



Foto 4 Sandai, sigar dan kubamban (Pengkaji, 8 November 2019)



Foto 5 Sapu tangan dan poket (Pengkaji, 8 November 2019)

AKSESORI PENARI

Sira Lambung dilengkapi dengan aksesori yang diletakkan pada pakaian tersebut bertujuan untuk menambahkan seri pada si pemakai dan pakaian tersebut. Jenis-jenis aksesori yang terdapat pada *Sira Lambung* adalah:

Jadual 1 Aksesori penari persembahan tarian *Sayau Moginum*

| Aksesori | Penerangan | Gambar |
|-------------|--|---|
| Bunga | Bunga ini adalah untuk tujuan hiasan rambut perempuan. Warna dan jenis bunga yang dipakai adalah bebas. |  |
| Kain sarung | Kain sarung diikat pada pinggang penari perempuan. Kain sarung ini adalah pelengkap pada <i>Sira Lambung</i> . Kain dilipat secara segi tiga dan pada bahagian depan adalah pertemuan hujung kain kemudian diikat. Bahagian belakang kain tersebut kelihatan berbentuk V. |   |

| | | |
|------------------|---|---|
| <i>Botungkat</i> | <p><i>Botungkat</i> adalah aksesori pada bahagian pinggang penari perempuan. Si pemakai haruslah memakai <i>botungkat</i> ini dengan jumlah yang ganjil iaitu 1 atau 3.</p> |  |
|------------------|---|---|

Busana bagi kaum lelaki pula dipanggil sebagai *Sira Dambia*. Jenis-jenis aksesori yang terdapat pada *Sira Dambia* adalah:

Jadual 2 Busana penari persembahan tarian *Sayau Moginum*

| Aksesori | Penerangan | Gambar |
|--------------|--|---|
| <i>Sigar</i> | <p><i>Sigar</i> ini merupakan hiasan pada kepala penari lelaki. <i>Sigar</i> mempunyai keunikan yang tersendiri yang direka khas oleh masyarakat ini untuk membezakan identiti mereka dengan etnik yang lain. Warna dan jenis kain yang digunakan oleh masyarakat ini berwarna gelap dan tiada ketetapan kain tertentu yang disesuaikan.</p> |  |

| | | |
|-------------------|--|--|
| <i>Kenoon Ria</i> | <p><i>Konoon Ria</i> adalah salah satu aksesori pada <i>Sira Dambia</i>. <i>Konoon Ria</i> adalah sapu tangan berwarna merah yang wajib diletakkan pada poket baju sebelah kiri. Sapu tangan ini digunakan oleh <i>Bobolian</i> sewaktu melakukan upacara ritual pada zaman dahulu.</p> <p><i>Konoon Ria</i> berfungsi sebagai penutup muka <i>Bobolian</i>.</p> | |
| <i>Sandai</i> | <p><i>Sandai</i> adalah kain yang disilangkan pada bahagian bahu dan diikat pada bahagian pinggang penari. <i>Sandai</i> adalah pelengkap pada <i>Sira Dambia</i>.</p> | |

ALAT MUZIK PERSEMBAHAN TARIAN SAYAU MOGINUM

Setiap etnik mempunyai alat muzik dan muzik yang tersendiri yang melambangkan identiti. Antara alat muzik dalam persesembahan tarian *Sayau Moginum* adalah:

Jadual 3 Alat Muzik Persembahan Tarian *Sayau Moginum*

| Alat Muzik | Penerangan | Foto |
|-------------|---|---|
| Kulintangan | <i>Kulintangan</i> merupakan alat muzik yang diwarisi secara turun-temurun. <i>Kulintangan</i> selalunya dimainkan semasa majlis keramaian, perkahwinan dan sebagainya. |  |
| Gong | Gong merupakan salah satu alat muzik dan juga alat komunikasi pada zaman dahulu. Gong diperbuat daripada emas dan tembaga dan setiap paluan gong mempunyai maksudnya yang tersendiri. |  |
| Gendang | Gendang diperbuat daripada batang kelapa, manakala kulit yang digunakan adalah kulit rusa. Gendang akan dimainkan bersama gong. |  |

Oleh itu, dalam tarian pasti ada alat muzik yang digunakan dan juga pemain. Setiap alat muzik itu akan dikendalikan oleh seorang atau lebih dari satu orang pemain untuk alat muzik tersebut. Begitu juga dengan tarian *Sayau Moginum* ini, mereka telah menetapkan jumlah pemain iaitu seramai tujuh orang. Enam orang bagi pemalu gong, satu orang *kulintangan* dan satu orang lagi gendang (Kamlooi Tanim, 2019). Selain itu, mereka juga tidak menetapkan sebarang jantina yang bermain dengan alat muzik. Sebaliknya, mereka lebih menggalakkan lelaki dan perempuan ikut dan tahu cara bermain dengan alat muzik tersebut. Mereka juga tidak menetapkan golongan sama ada orang tua, dewasa mahupun kanak-kanak. Mereka sangat mengalu-alukan sesiapa sahaja yang berminat untuk bermain alat muzik tersebut (Rayner Gregory, 2019).

KESIMPULAN

Setiap etnik mempunyai identiti sendiri, sama ada daripada pakaian, tarian, muzik dan juga budaya. Tarian *Sayau Muginum* ini mempunyai keistimewaan tersendiri dengan menambah elemen-elemen tertentu seperti pakaian, aksesori dan muzik. Reaksi atau emosi pada wajah penari wanita *Sayau Muginum* adalah gembira. Ekspresi muka si *pengalai* pula menggambarkannya ketua dan untuk menunjukkan kewibawaan si *pengalai* (Jainah Ngoai, 2019). Tarian *Sayau Muginum* hanya menggunakan satu *props* iaitu cawan yang dibawa oleh penari lelaki dan dalam cawan tersebut berisi arak. Cawan tersebut tidak mempunyai ciri khas dan sebarang jenis cawan boleh digunakan dalam tarian tersebut. *Props* tersebut digunakan untuk diberi minum kepada si *pengalai* apabila mereka berada dalam bulatan yang dikelilingi oleh penari perempuan (Fred Judin Tangulon, 2019). Penulisan ini diharapkan dapat memberikan satu gambaran menyeluruh tentang persembahan tarian *Sayau Muginum*. Setiap elemen yang diuraikan dapat melengkapkan lagi tarian *Sayau Muginum* ini untuk dipersembahkan di atas pentas.

RUJUKAN

Joison Romut, Denis J. Sading & Flora Iban. (016). Inventori Budaya Etnik Negeri Sabah (Etnik Dusun Tatana), Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah.

INFORMAN

Tan Sri Wences Anggang (72), Kampung Bundu, Kuala Penyu, 2019.
Monih bin Epin (52), Kampung Bundu Tarah, Kuala Penyu, 2019.
Ebah Pasi (75), Kampung Bundu Tarah, Kuala Penyu, 2019.
Durin Tuwin (38), Kampung Tegilung, Kuala Penyu, 2019.
Fred Judin Tangulon (67), Kampung Janang, Kuala Penyu, 2019.
Jainah Ngoai (42), Kampung Kelampun, Kuala Penyu, 2019.
Kamlooi Tanim (70), Kampung Kayul, Kuala Penyu, 2019.
Kimyong Ensil (50), Kampung Kayul, Kuala Penyu, 2019.
Nuri Suram (64), Kampung Gorowot, Kuala Penyu, 2019.
Martin Daya (70), Kampung Bundu, Kuala Penyu, 2019.
Rayner Gregory (44), Kampung Bundu, Kuala Penyu, 2019.
Rosalind Oliver (51), Kampung Kiambor, Kuala Penyu, 2019.